



GARIS PANDUAN PROGRAM IKON GIGI



**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



GARIS PANDUAN PROGRAM IKON GIGI

OKTOBER 2020

**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

HAKCIPTA

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran penerbit.

PENGKATALOGAN

No. Daftar Penerbitan PKPKKM: MOH/K/GIG/21.2020(GU)

No. ISBN: 9789671663288

DITERBITKAN OLEH

Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian

Program Kesihatan Pergigian

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya

Tel: 603 - 88834215

Faks: 603 - 88886133

Emel: ohd@moh.gov.my

Website: <http://ohd.moh.gov.my>

Facebook: www.facebook.com/pergigian_kkm

CADANGAN PENULISAN RUJUKAN

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Garis Panduan Pelaksanaan Program Ikon Gigi. MOH/K/GIG/21.2020(GU)

Oktober 2020.

KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	TINJAUAN LITERATUR	2
3.0	RASIONAL	3
4.0	VISI, MISI, OBJEKTIF DAN KUMPULAN SASAR	3
5.0	STRATEGI PELAKSANAAN	4
6.0	PELAKSANAAN PROGRAM	5
6.1	Perancangan	5
6.2	Fungsi Dan Peranan	6
6.3	Latihan	7
6.4	Alat Bantu Mengajar	7
6.5	Aktiviti - Aktiviti Promosi oleh iGG	9
7.0	PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM	10
7.1	Pemantauan Program	10
7.2	Penilaian Program	10
8.0	MOTIVASI DAN PEMUTIHAN	11
8.1	Motivasi iGG	11
8.2	Pemutihan iGG	12
8.3	Motivasi Fasilitator iGG	12
8.4	Penukaran Fasilitator iGG	12
8.5	Pemutihan Fasilitator iGG	13
9.0	CADANGAN PERKEMBANGAN PROGRAM	13
10.0	KESIMPULAN	13
	Rujukan	14
	Lampiran 1-9	15 - 24
	Ahli Jawatankuasa Pembangunan Garis Panduan & Penghargaan	25

Sekapur Sirih

Assalamualaikum WBT dan
Salam Sejahtera

Program Ikon Gigi diperkenalkan untuk meningkatkan status kesihatan pergigian rakyat dengan menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian untuk menangani masalah kesihatan mulut di negara ini. Program yang berciri pemerkasaan dan kesukarelawan ini menggunakan prinsip pengaruh peer to peer dalam penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada rakyat.



Penyakit dan masalah berkaitan kesihatan mulut boleh dicegah melalui amalan penjagaan kesihatan sendiri (self-care) dan gaya hidup sihat. Oleh yang demikian, amalan cara hidup sihat ini perlu disebarkan dengan lebih meluas melalui pelbagai cara.

Ikon Gigi merupakan sukarelawan dalam kalangan masyarakat yang telah dilatih untuk menyampaikan maklumat kesihatan oral kepada komuniti sekeliling mereka di bawah bimbingan anggota pergigian yang bertindak sebagai fasilitator. Diharapkan inisiatif ini dapat memberi impak yang positif dalam meningkatkan taraf kesihatan mulut rakyat selaras dengan perkembangan dan kemajuan negara dan seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup rakyat secara keseluruhan. Buku garis panduan ini bakal menjadi rujukan lengkap kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan program ini. Justeru, saya berharap program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Syabas dan ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli jawatankuasa dan semua yang terlibat dalam menyediakan garis panduan ini.

(DR. NOORMI BINTI OTHMAN)
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

1.0 | PENGENALAN

Ikon Gigi (iGG) merupakan satu program yang dijalankan melalui konsep kesukarelawan dan pemeraksanaan masyarakat. Melalui konsep ini, mesej-mesej berkaitan kesihatan pergigian dapat disampaikan dengan lebih meluas. Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan pergigian biasanya dilaksanakan oleh anggota-anggota kesihatan pergigian. Memandangkan sumber manusia sedia ada yang terhad, maka penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada masyarakat terutamanya di kawasan pedalaman tidak dapat diliputi secara menyeluruh.

Secara umumnya, masyarakat lebih mempercayai individu daripada kelompok yang sama. Oleh itu, khidmat nasihat, tunjuk ajar dan pendapat mereka mampu mempengaruhi seseorang dengan lebih berkesan dan mendalam. Justeru, pemeraksanaan masyarakat melalui aktiviti sukarelawan dapat memastikan kelestarian program promosi kesihatan pergigian.

Pemeraksanaan masyarakat melalui iGG yang berlandaskan prinsip pengaruh *peer to peer* adalah lebih efektif dalam menyampaikan maklumat. Program pemeraksanaan ini jika dilaksanakan seiring dengan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan pergigian yang lain, dapat memberi impak yang positif dalam meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat.

Pada tahun 2016, projek rintis Program iGG dilaksanakan dengan penglibatan seramai 30 orang iGG dari negeri Melaka. Projek rintis ini melibatkan individu daripada pelbagai latar belakang yang terdiri daripada kumpulan profesional sehingga suri rumah. Selepas itu program ini telah diperluaskan ke negeri Terengganu dan Kelantan. Setelah meneliti keberhasilan, program ini secara rasminya telah dilancarkan pada 4 Disember 2016 di negeri Melaka. Selepas 2 tahun pelaksanaan program, seramai 500 iGG telah berjaya ditauliahkan. Data pada tahun 2018, menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh iGG ini meliputi lebih 30,000 orang setahun.

Perlaksanaan Program iGG ini hanya melibatkan kos yang minimum tetapi telah berjaya meliputi masyarakat dengan meluas. Kini, Program iGG boleh dianggap sebagai satu program yang penting dalam promosi kesihatan pergigian yang bercirikan pemeraksanaan dan penglibatan masyarakat.

“Projek rintis ini melibatkan individu daripada pelbagai latar belakang yang terdiri daripada kumpulan profesional sehingga suri rumah.”

2.0 | TINJAUAN LITERATUR

Pemeriksaan masyarakat boleh ditakrifkan sebagai satu usaha untuk memberi daya upaya kepada masyarakat dalam mengawal kehidupan mereka. Dalam kehidupan bermasyarakat, sesetengah kumpulan adalah lebih terdedah kepada faktor risiko kesihatan berbanding dengan kumpulan yang lain. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memperkasa mereka yang lemah dalam struktur sosial supaya rakyat secara kolektif akan menjadi lebih produktif dan status kehidupan mereka menjadi lebih sejahtera.

Pemeriksaan masyarakat mempunyai potensi yang besar dalam usaha kerajaan untuk memperbaiki status kesihatan rakyat. Ia adalah lebih efektif kerana masalah yang dihadapi oleh segolongan masyarakat lebih mudah difahami dalam kalangan masyarakat itu sendiri. Inisiatif yang dilaksanakan ini berpotensi untuk memperolehi hasil yang baik kerana mempunyai ikon masyarakat dalam pelaksanaannya.

Penemuan daripada kajian kebangsaan *National Oral Health Survey for Adults (NOHSA)* 2010, mendapati sembilan (9) daripada sepuluh (10) orang dewasa di negara ini mempunyai penyakit berkaitan gusi. Manakala 89% orang dewasa pula mempunyai masalah karies pergigian. Data daripada *National Health Morbidity Survey (NHMS)* 2017 pula menunjukkan penemuan di mana hampir keseluruhan remaja berumur 12 tahun mengalami masalah awal gusi. Ini menunjukkan bahawa taraf kesihatan pergigian rakyat Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, satu anjakan paradigma perlu dilakukan bukan sahaja dari segi strategi penyampaian perkhidmatan, tetapi juga dalam usaha untuk memupuk kesedaran terhadap kesihatan pergigian dalam minda rakyat.

Aktiviti promosi yang dilaksanakan harus melibatkan pelbagai *stakeholders*, disamping dapat mewujudkan perasaan *sense of belonging* dalam jiwa rakyat. Hanya apabila isu kesihatan pergigian menjadi isu bersama, maka

barulah usaha yang dijalankan menampakkan impak yang mendalam.

Usaha pemeriksaan masyarakat ini selari dengan visi negara dalam mengetengahkan kemampanan negara di masa hadapan dalam 4 aspek, iaitu ekonomi, sosial, kesihatan dan alam sekitar dengan rakyat mengambil cakna mengenai perkara yang berlaku dalam kehidupan mereka.

Perkembangan globalisasi yang pesat menyebabkan tindakan di peringkat tempatan mampu memberi *ripple effect* di peringkat global. Melalui usaha promosi kesihatan pergigian yang diketuai oleh Program Kesihatan Pergigian KKM dan disinergi dengan sokongan masyarakat, adalah diharapkan status kesihatan pergigian rakyat akan meningkat dimasa hadapan.

“9 daripada sepuluh 10 orang dewasa di negara ini mempunyai penyakit berkaitan gusi.

Manakala 89% orang dewasa pula mempunyai masalah karies pergigian.”

3.0 RASIONAL

Program iGG dilaksanakan selari dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) dengan tema “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat”. Kajian-kajian telah menyimpulkan bahawa untuk negara terus berkembang maju di masa hadapan, adalah penting masyarakat diperkasa untuk mencapai matlamat tersebut.

Program ini juga selari dengan Pelan Tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia 2016-2020, Teras Strategik 3: Memperkukuh Individu, Keluarga dan Masyarakat Mengenai Kesihatan.

Dengan melaksanakan program ini, bukan sahaja beban penjagaan kesihatan dapat dikurangkan, tetapi juga kualiti hidup masyarakat dapat ditingkatkan.

Program ini juga selari dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang ditetapkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 yang disertai oleh kerajaan Malaysia dalam usaha membasmi kemiskinan, memelihara alam sekitar dan memastikan kesejahteraan rakyat.

4.0 VISI, MISI, OBJEKTIF DAN KUMPULAN SASAR

4.1 Visi

Meningkatkan kesihatan mulut rakyat ke tahap tertinggi melalui aktiviti kesukarelawan dan pemeraksanaan masyarakat.

4.2 Misi

Menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian melalui aktiviti kesukarelawan dan pemeraksanaan masyarakat.

4.3 Objektif

Objektif Am

Untuk meningkatkan status kesihatan pergigian rakyat melalui aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan pemeraksanaan masyarakat.

Objektif Khusus

- i. Untuk menggalakkan penglibatan individu dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan;
- ii. Untuk melatih iGG dalam menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan pergigian;
- iii. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat dalam penjagaan kesihatan pergigian sendiri; dan
- iv. Untuk meningkatkan status kesihatan pergigian masyarakat.

4.4 Kumpulan Sasar

Berikut adalah kumpulan yang disasarkan:

- i. iGG - Individu yang berminat dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan
- ii. Fasilitator iGG – Pegawai Pergigian
- iii. Masyarakat yang dibimbing – orang ramai

5.0 | STRATEGI PELAKSANAAN

Program iGG dilaksanakan mengikut strategi *infinity loop* untuk mewujudkan program yang lestari (**Rajah 1**). Empat (4) langkah telah dikenal pasti seperti berikut:



Langkah ini dilaksanakan secara berterusan setiap tahun. Melalui strategi ini, program iGG akan dapat diteruskan dan bilangan iGG akan terus bertambah.



Rajah 1: Strategi *Infinity Loop*

6.0 PELAKSANAAN PROGRAM

6.1 Perancangan

Bagi memastikan objektif program tercapai, perancangan yang teliti dan teratur adalah penting. Perancangan sewajarnya dibuat pada akhir tahun bagi aktiviti tahun berikutnya. Perancangan aktiviti seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Perancangan aktiviti

Bil.	Perancangan Aktiviti	Tanggungjawab
1.	Pemilihan dan pelantikan Penyelaras iGG Negeri - Rujuk para 6.2.1 untuk kriteria pemilihan dan lantikan	TPKN(G)
2.	Penerangan Program iGG kepada anggota pergigian i. Pengenalan ii. Rasional iii. Visi, misi, objektif & kumpulan sasaran iv. Pelaksanaan v. Pemantauan dan penilaian	- Pegawai Pergigian Daerah - Penerangan diperingkat daerah - Penyelaras iGG Negeri - Penerangan diperingkat negeri
3.	Pemilihan dan pelantikan fasilitator iGG - Rujuk para 6.2.2 untuk kriteria pemilihan dan lantikan	- Pegawai Pergigian Y/M - Pegawai Pergigian Daerah - Penyelaras iGG Negeri - Pegawai Promosi Negeri - TPKN(G)
4.	Pemilihan dan pentauliahan iGG - Rujuk para 6.2.3 untuk kriteria pemilihan dan lantikan - Rujuk Lampiran 1 untuk prosedur pentauliahan iGG	- Fasilitator iGG - Pegawai Pergigian Y/M - Pegawai Pergigian Daerah - Penyelaras iGG Negeri
5.	Latihan i. Bengkel Pencerahan Fasilitator iGG ii. <i>Training of Trainers iGG</i>	- Fasilitator iGG - Penyelaras iGG Negeri
6.	Aktiviti promosi kesihatan pergigian kepada masyarakat setempat.	- iGG - Fasilitator iGG
7.	Pemantauan program: i. Makluman aktiviti iGG kepada fasilitator (Borang iGG01/2019) ii. Fasilitator menghantar retan dan gambar aktiviti kepada penyelaras iGG negeri dan sesalinan kepada Pegawai Pergigian Daerah setiap bulan (Borang iGG02/2019) iii. Retan dikumpul oleh penyelaras negeri dan dihantar kepada Cawangan Promosi BKP KKM setiap 6 bulan (Borang iGG03/2019)	- iGG - Fasilitator iGG - Penyelaras iGG Negeri
8.	Penilaian Program: i. Analisa aktiviti iGG ii. Pemutihan iGG	- Penyelaras iGG Negeri - Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian PKPKKM

Adalah dicadangkan, *gant chart* pelaksanaan program iGG disediakan diperingkat negeri untuk memantau pelaksanaan program setiap tahun.

6.2 Fungsi Dan Peranan

Penyelaras, fasilitator dan iGG adalah sangat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Program iGG di peringkat negeri dan daerah. Pemilihan individu yang tepat dapat memastikan program ini berjalan lancar dan berterusan.

6.2.1 Penyelaras iGG

Pegawai Pergigian yang dilantik oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) bertanggungjawab menyelaras, melaksana dan memantau serta menentukan halatuju program di peringkat negeri.

Fungsi dan peranan Penyelaras iGG adalah seperti berikut:

- i. Membuat perancangan program;
- ii. Membuat penerangan program kepada anggota;
- iii. Mengadakan latihan kepada fasilitator dan iGG;
- iv. Memantau pelaksanaan program;
- v. Menilai pelaksanaan program;
- vi. Membuat pemutihan iGG (jika perlu);
- vii. Sebagai pakar rujuk dalam menyampaikan maklumat kesihatan pergigian; dan
- viii. Menghantar retan kepada PKPKKM setiap 6 bulan.

Kriteria pemilihan Penyelaras iGG adalah seperti berikut:

- i. Terdiri daripada Pegawai Pergigian yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia;
- ii. Berminat dalam aktiviti promosi, masyarakat dan kesukarelawan;
- iii. Berkebolehan untuk merancang, melaksana, memantau, menganalisa dan mengkaji semula sesuatu program;
- iv. Mempunyai daya kepimpinan; dan
- v. Berkebolehan dalam memotivasikan fasilitator dan iGG.

6.2.2 Fasilitator iGG

Pegawai Pergigian yang dilantik oleh Penyelaras iGG dengan kelulusan TPKN (Pergigian) untuk membimbing dan memantau iGG. Seorang fasilitator boleh mempunyai maksimum 3 orang iGG bagi memastikan seliaan dan khidmat nasihat dapat dilaksanakan secara berkesan dan berkualiti.

Fungsi dan peranan Fasilitator iGG adalah seperti berikut:

- i. Mengenal dan membimbing setiap iGG dalam pelaksanaan program;
- ii. Membantu iGG dalam pelbagai aspek bagi melancarkan penyampaian mesej kesihatan pergigian;
- iii. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh iGG dan mencari jalan penyelesaian;
- iv. Membantu menyediakan alat bantu mengajar kepada iGG masing-masing;
- v. Menghantar Laporan Fasilitator iGG yang telah diperakukan oleh Pegawai Pergigian Daerah kepada Penyelaras iGG sebelum atau pada 10hb setiap bulan; dan
- vi. Menghantar gambar aktiviti iGG yang telah dijalankan kepada Penyelaras iGG.

Antara **cadangan** kriteria pemilihan Fasilitator iGG adalah seperti berikut:

- i. Terdiri daripada Pegawai Pergigian yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia;
- ii. Berminat dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian;
- iii. Percaya kepada kebolehan orang lain;
- iv. Penyabar dan sudi mendengar;
- v. Terbuka untuk belajar kemahiran baru;
- vi. Berkeyakinan diri dan tidak angkuh;
- vii. Berpersonaliti positif;
- viii. Boleh berkomunikasi dengan baik;
- ix. Mengaplikasikan pertimbangan akal untuk disesuaikan mengikut keadaan;
- x. Menghormati pendapat orang lain;
- xi. Mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif; dan
- xii. Berkebolehan dalam memotivasikan iGG untuk menyampaikan mesej.

6.2.3 Ikon Gigi

Wakil komuniti yang bertindak sebagai pemudah cara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kesihatan pergigian. Mereka yang dipilih ini mempunyai tanggungjawab dalam menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan kesihatan pergigian.

Fungsi dan peranan iGG adalah seperti berikut:

- Bekerjasama dengan Fasilitator iGG dalam merancang dan melaksanakan aktiviti;
- Sebagai *role model* dalam kalangan masyarakat setempat;
- Menyampaikan mesej kesihatan pergigian kepada masyarakat setempat; dan
- Menghantar laporan (sebaik-baiknya disertakan juga gambar aktiviti) yang telah dijalankan kepada fasilitator

Antara **cadangan** kriteria pemilihan iGG adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berminat dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian;
- Berminat untuk berbakti kepada masyarakat;
- Berkebolehan menyampaikan maklumat kepada masyarakat;
- Mempunyai pengaruh dalam kalangan masyarakat;
- Mempunyai pengaruh dalam media sosial;
- Mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif;
- Berperwatakan ceria dan menarik;
- Fleksibel dalam mengubah suai teknik penyampaian dan aktiviti mengikut keperluan; dan
- Terbuka untuk belajar kemahiran baru.

iGG yang telah dipilih akan ditauliahkan. Prosedur pentauliahkan iGG seperti di **Lampiran 1**.

6.3 Latihan

Latihan kepada fasilitator dan iGG amatlah penting dalam memastikan kelestarian program ini. Bengkel-bengkel yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Bengkel Pencerahan Fasilitator iGG; dan
- Training of Trainers* iGG.

6.3.1 Bengkel Pencerahan Fasilitator iGG

Bengkel dijalankan diperingkat negeri sekurang-kurangnya sebulan sebelum *Training*

of trainer iGG. Peserta adalah dalam kalangan Fasilitator iGG yang telah dikenal pasti. Jangka masa bengkel adalah satu (1) hari dan boleh dilakukan setahun sekali (mengikut keperluan). Penyelaras iGG peringkat negeri bertanggungjawab menyelaras bengkel ini (**Lampiran 2**).

6.3.2 Training of trainers iGG

Training of trainers (ToT) diadakan untuk memberi pendedahan kepada fasilitator dan iGG tentang program iGG. Latihan ini kemudiannya, boleh disampaikan kepada anggota pergigian atau orang awam yang lain bagi memastikan penyampaian maklumat yang berkesan. Pelaksanaan ToT ini boleh di jalankan secara tahunan (mengikut kesesuaian). Peserta ToT ini adalah dalam kalangan fasilitator dan iGG yang baru dilantik. Cadangan pengisian Bengkel ToT adalah seperti berikut:

- Ceramah;
- Kerja berkumpulan;
- Penghasilan bahan-bahan promosi seperti video, pamphlet dan poster kesihatan pergigian;
- Role play* ketika penyampaian mesej pergigian;
- Perkongsian pengalaman dengan iGG sedia ada; dan
- Pembentangan kerja berkumpulan.

Aturcara ToT iGG seperti di **Lampiran 3**

6.4 Alat Bantu Mengajar

Alat bantu mengajar merupakan bahan-bahan sokongan yang akan digunakan oleh iGG untuk menyampaikan mesej kesihatan pergigian dengan lebih efektif.

6.4.1 Modul

Bagi memudahkan iGG menyampaikan maklumat kesihatan pergigian, modul yang telah dibangunkan akan digunakan sebagai sumber rujukan (**Rajah 2**).

Modul-modul ini adalah dalam bentuk *flip chart* yang ringkas, senang difahami dan mudah disampaikan. Modul-modul ini akan diperkemas atau ditambah dari masa ke semasa selaras dengan isu kesihatan pergigian terkini.



Rajah 2: Modul iGG

6.4.2 Model Gigi dan Berus Gigi

Model gigi dan berus gigi adalah bahan bantu mengajar yang dibekalkan kepada iGG untuk membantu mereka memberi tunjuk ajar memberus gigi kepada masyarakat. Alat-alat ini dibekalkan secara pinjaman kepada semua iGG. Mereka yang tidak melaksanakan aktiviti/hilang minat akan diminta untuk memulangkan kembali aset tersebut.

6.4.3 Media Sosial dan Aplikasi Mudah Alih

Penggunaan media sosial dan aplikasi mudah alih berpotensi besar sebagai medium untuk meningkatkan status kesihatan pergigian rakyat terutama golongan remaja dan dewasa. Antara media sosial dan aplikasi mudah alih yang boleh dilayari sebagai rujukan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat adalah seperti berikut:

- i. Facebook
<https://www.facebook.com/pergigiankkm>
- ii. Youtube
<https://www.youtube.com/user/MyOHD/videos>
- iii. Instagram
<https://instagram.com/pergigiankkm>
- iv. Twitter
@KKM_PERGIGIAN
- v. Aplikasi mudah alih:
MyGusi dan MyOrtho

6.4.4 Bahan-bahan Lain

iGG juga akan dibekalkan bahan-bahan seperti pamphlet, poster dan video kesihatan pergigian sebagai bahan rujukan sampingan.

6.5 Aktiviti-Aktiviti Promosi oleh iGG

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh iGG boleh dibahagikan kepada:

6.5.1 Aktiviti Persendirian

Aktiviti promosi kesihatan pergigian yang dilaksanakan secara inisiatif sendiri pada bila-bila masa, tempat dan kumpulan sasar. Aktiviti-aktiviti ini boleh dijalankan secara bersendirian atau bersama fasilitator.

6.5.2 Aktiviti Kolaborasi

Aktiviti-aktiviti promosi yang dianjurkan oleh Program Kesihatan Pergigian atau agensi-agensi lain. Adalah penting iGG terlibat sama dalam aktiviti kolaborasi yang diadakan kerana ia boleh memberi perspektif penglibatan masyarakat kepada pengunjung disebabkan mereka juga adalah ahli masyarakat itu sendiri.

Semua aktiviti-aktiviti iGG perlu dicatat pada Borang iGG01/2019 dan dilaporkan kepada fasilitator. iGG juga perlu merakamkan gambar aktiviti dan menyerahkan kepada fasilitator. Gambar-gambar aktiviti ini perlu dimuat naik di Facebook Ikon Gigi Malaysia oleh Penyelaras iGG.



7.0 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM

7.1 Pemantauan Program

Untuk memastikan pemantauan dijalankan dengan baik, format laporan seperti di **Jadual 2** perlu diisi dan dihantar mengikut frekuensi yang ditetapkan.

Jadual 2: Proses Pemantauan dan Borang Berkaitan

Format	Tanggungjawab	Penerima Borang	Frekuensi penghantaran borang
1. Laporan Aktiviti iGG (Borang iGG01/2019) Lampiran 4	Ikon Gigi	Fasilitator	Setiap bulan
2. Laporan Fasilitator iGG (Borang iGG02/2019) Lampiran 5	Fasilitator	Penyelaras	Setiap bulan
3. Laporan Penyelaras iGG (Borang iGG03/2019) Lampiran 6	Penyelaras	Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian, PKPKKM	*Setiap Setengah Tahun

**Data Key Performance Indicator (KPI) perlu dihantar ke Cawangan Kualiti Kesihatan Pergigian PKPKKM setiap 3 bulan.*

7.2 Penilaian Program

Program ini dinilai berdasarkan perkara-perkara berikut:

- Bilangan iGG yang ditauliahkan
- Bilangan aktiviti yang dijalankan oleh iGG
- Bilangan peserta yang menyertai aktiviti yang dijalankan
- Keaktifan Fasilitator iGG

Indikator pemantauan adalah seperti di **Jadual 3**. Penilaian perlu dilakukan secara berkala oleh Penyelaras iGG Negeri dan Pegawai Pergigian Daerah.

Jadual 2: Indikator Pemantauan

Indikator	Numerator & Denominator	Sumber Data
1. Peratus fasilitator iGG yang aktif*	N: Bilangan fasilitator iGG yang aktif D: Jumlah fasilitator iGG	Borang iGG03/2019 (kolum d / jum. fasilitator)
2. Bilangan peserta yang menyertai aktiviti yang dijalankan	Bilangan peserta yang menyertai aktiviti yang dijalankan	Borang iGG03/2019 (kolum j)
3. Peratus ikon gigi yang menjalankan aktiviti kesihatan pergigian sekurang-kurangnya 12 kali setahun	N: Bilangan ikon gigi yang menjalankan aktiviti kesihatan pergigian sekurang-kurangnya 12 kali setahun D: Jumlah Ikon Gigi	Borang iGG03/2019 (kolum h / jum. iGG)

*Menghantar reten dan gambar aktiviti (jika ada) iGG setiap bulan

8.0 MOTIVASI DAN PEMUTIHAN

Bagi menjayakan program ini dengan berkesan dan lestari, motivasi yang berterusan perlu diberikan kepada fasilitator dan iGG. Berikut adalah manfaat yang boleh diperolehi oleh fasilitator dan iGG dengan melibatkan diri dalam program ini:

- Sijil pengiktirafan;
- Kad pengenalan diri sebagai iGG;
- Peluang untuk menyertai program-program komuniti diperingkat kebangsaan dan negeri;
- Meluaskan jaringan sosial melalui pelbagai jenis aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat;
- Memperoleh pengalaman terutamanya dalam penggalakan kesihatan pergigian di kalangan masyarakat;
- Nilai tambah di dalam *resume*;
- Meningkatkan keyakinan diri;
- Pengiktirafan masyarakat; dan
- Cenderahati penghargaan (contoh: ubat gigi, berus gigi dan flos);

8.1 Motivasi iGG

Kejayaan program amat bergantung kepada kekerapan dan kualiti aktiviti yang dilaksanakan oleh iGG. Motivasi iGG yang berterusan adalah berdasarkan kepada dua (2) faktor ini. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti seperti di bawah boleh diadakan untuk memastikan kejayaan program:

- Mengadakan Konvensyen iGG setiap 2 tahun sekali;
- Majlis Penghargaan: Anugerah Tokoh iGG dan Fasilitator;
- Bengkel pemantapan iGG setiap tahun;
- Pertandingan diantara iGG (contoh: pertandingan penghasilan bahan promosi, pertandingan mesej kesihatan pergigian kreatif, pertandingan bilangan aktiviti terbanyak bulanan/tahunan);
- Lawatan iGG ke klinik-klinik pergigian dan klinik pergigian pakar; dan
- Penyertaan iGG dalam aktiviti promosi pergigian peringkat daerah/negeri.

Inisiatif-inisiatif lain boleh diberikan mengikut kesesuaian seperti keutamaan dalam pemberian rawatan pergigian di klinik pergigian kerajaan kepada iGG dan ahli keluarga. Selain itu, iGG boleh mendapatkan tajaan daripada individu atau syarikat dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan ini.

8.2 Pemutihan iGG

Pelaksanaan program yang berjalan lancar adalah penting untuk memastikan objektif tercapai. Pemutihan hanya akan dilakukan sekiranya iGG menarik diri daripada program ini. Bagi mengelakkan iGG daripada menarik diri, antara perkara-perkara yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:

- Kenalpasti iGG yang tidak aktif;
- Mengeluarkan Kad Tanya Khabar;
- Kenalpasti masalah yang dihadapi iGG;
- Mengadakan sesi pertemuan di antara iGG, Fasilitator & Penyelaras; dan
- Sesi Motivasi kepada iGG.

Sekiranya terdapat iGG yang menarik diri daripada program, kit promosi kesihatan pergigian yang dipinjamkan haruslah dipulangkan kepada Bahagian Kesihatan Pergigian. Carta alir pemutihan iGG seperti di **Lampiran 7**.

8.3 Motivasi Fasilitator iGG

Antara kaedah/aktiviti yang boleh dilakukan bagi memotivasikan fasilitator adalah seperti berikut:

- Sijil perlantikan dan penghargaan daripada Program Kesihatan Pergigian KKM.
- Tokoh Fasilitator iGG peringkat negeri sebagai tanda penghargaan. Antara kriteria-kriteria tokoh Fasilitator iGG yang dicadangkan adalah seperti berikut:
 - Aktiviti iGG yang paling banyak dalam setahun;
 - Menghantar reten tepat mengikut jadual pada setiap bulan;
 - Penglibatan aktif dalam merancang dan menjalankan aktiviti bersama-sama iGG; dan
 - Penglibatan dalam penyediaan projek, pembentangan oral dan poster bersama iGG.
- Perjumpaan diantara Penyelaras dan Fasilitator iGG sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

Fasilitator memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelestarian program ini. Prestasi fasilitator boleh dikategorikan seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Kategori Prestasi Fasilitator iGG

Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4
Fasilitator menghantar reten dan iGG aktif.	Fasilitator menghantar reten tetapi iGG tidak aktif.	Fasilitator tidak menghantar reten.	Fasilitator menarik diri (tanpa sebab munasabah)

Tindakan berikut boleh diambil berdasarkan prestasi fasilitator:

- Kategori 1: pujian / *token of appreciation*
- Kategori 2: rujuk carta alir pemutihan iGG (**Lampiran 7**)
- Kategori 3: rujuk carta alir proses pemutihan fasilitator (**Lampiran 9**)
- Kategori 4: rujuk carta alir proses pemutihan fasilitator (**Lampiran 9**)

8.4 Penukaran Fasilitator iGG

Fasilitator merupakan personel yang utama dan paling hampir dengan iGG. Mereka bertanggungjawab memotivasi dan membantu iGG dalam melakukan aktiviti promosi kesihatan pergigian. Sekiranya fasilitator bertukar tempat bertugas, penggantian segera perlu dilakukan oleh Penyelaras Negeri supaya tidak menjejaskan kelestarian program (**Lampiran 8**).

8.5 Pemutihan Fasilitator iGG

Fasilitator merupakan pemangkin dan perlu memberikan kerjasama yang berterusan dalam menjayakan program ini. Penyelaras perlu sentiasa berinteraksi untuk memastikan fasilitator sentiasa membantu iGG dalam melaksanakan aktiviti. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap tugas sebagai fasilitator, strategi pemutihan hendaklah diaktifkan supaya kelancaran program dapat diteruskan (**Lampiran 9**). Peringatan berperingkat perlu dihantar kepada fasilitator berkenaan, sebelum arahan surat tunjuk sebab dikeluarkan.

Arahan surat tunjuk sebab perlu dikeluarkan kepada fasilitator yang membuat permohonan menarik diri, supaya masalah dan sebab munasabah dapat dikenalpasti. Sekiranya penamatan fasilitator terpaksa diambil, sila rujuk carta alir penggantian fasilitator supaya iGG yang berkenaan mendapat perhatian yang sepatutnya (**Lampiran 8**).

9.0 | CADANGAN PERKEMBANGAN PROGRAM

Di masa hadapan, program boleh diperkembangkan seperti berikut:

- i. Pewujudan laman sesawang iGG;
- ii. Pewujudan e-iGG yang dikhususkan bergerak melalui media sosial. Contoh: e-iGG Instafamous;
- iii. Pewujudan karakter kartun iGG untuk menjadi simbol dan menarik minat golongan sasaran; dan
- iv. Kerjasama dengan syarikat penyiaran untuk slot rancangan iGG di televisyen/radio

10.0 | KESIMPULAN

Program iGG dan inisiatif pemeraksanaan lain perlulah menjadi teras dalam pelaksanaan sebarang usaha bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kesihatan pergigian. Melalui kolaborasi bersama ahli masyarakat ini, satu sinergi akan terbentuk dalam usaha meningkatkan status kesihatan oral rakyat ke arah yang lebih tinggi.


RUJUKAN

1. Albert, D., Chein, J., & Steinberg, L. Peer Influences on Adolescent Decision Making. *Current Directions in Psychological Science*. 2013.22(2), 114–120.
2. Boden, J. M., Sanders, J., Munford, R., Liebenberg, L., & McLeod, G. F. H. Paths to positive development: a model of outcomes in the New Zealand youth transitions study. *Child Indicators Research*. 2016. pg1–23.
3. Brechwald, W. A., & Prinstein, M. J. Beyond homophily: A decade of advances in understanding peer influence processes. *Journal of Research on Adolescence*. 2011.21(1), 166–179.
4. Chaudhuri A. Understanding 'Empowerment'. *Journal of Development Policy and Practice*. 2016 vol: 1 (2) pp: 121-141
5. DeLay, D., Zhang, L., Hanish, L. D., Miller, C. F., Fabes, R. A., Martin, C. L., et al. Peer influence on academic performance: a social network analysis of social-emotional intervention effects. *Prevention Science*. 2016.17,903–913.
6. Gardner, M., & Steinberg, L. Peer influence on risk taking, risk preference, and risky decision making in adolescence and adulthood: An experimental study. *Developmental Psychology*. 2005.41(4),625–635.
7. Oral Health Program, Ministry of Health Malaysia; National Oral Health Survey of Adults 2010 (NOHSA 2010). November 2013.
8. Oral Health Division, Ministry of Health Malaysia. National Health and Morbidity Survey 2017: National Oral Health Survey of Schoolchildren 2017 (NHMS 2017: NOHSS 2017). Vol.II: Oral Health Status of 12-year-old Schoolchildren. Sept. 2017.
9. Pfeifer JH, Masten CL, Moore WE, Oswald TM, Iacoboni M, Mazziotta JC, Dapretto M. Entering adolescence: Resistance to peer influence, risky behavior, and neural changes in emotional reactivity. *Neuron*. 2011;69:1029–1036.
10. Shahidul Hassan, Rubiná Mahsud, Gary Yukl, Gregory E. Prussia. Ethical and empowering leadership and leader effectiveness. *Journal of Managerial Psychology*. 2013.Vol. 28 Issue: 2, pp.133-146
11. Subhash Sharma. The Dynamics of Women's Empowerment: A Critical Appraisal. *Social Change*. 2017. vol. 47, 3: pp. 387-405.
12. Wentzel, K. R. Prosocial behavior and peer relations in adolescence. In L. M. Padilla-Walker & G. Carlo (Eds.), *Prosocial development: A multidimensional approach* 2014. (pp. 178–200).
13. Winkielman P, Knutson B, Paulus MP, Trujillo JL. Affective influence on judgments and decisions: Moving towards core mechanisms. *Review of General Psychology*. 2007;11:179–192.

LAMPIRAN

Lampiran 1

PROSEDUR PENTAULIAHAN IKON GIGI



Lampiran 2**Bengkel Pencerahan Fasilitator iGG**

Masa	Program
8.00 pg	Pendaftaran
8.30 pg	Ceramah 1 - Pengenalan Program iGG
9.00 pg	Ceramah 2 - Kriteria pemilihan iGG
10.30 pg	Minum pagi
11.00 pg	Aktiviti 1 - Tugas dan peranan Fasilitator iGG
12.30 tgh	Makan Tengahari
2.00 ptg	Ceramah 3 - Modul iGG
3.00 ptg	Ceramah 4 - Cara penyediaan reten iGG
4.00 ptg	Ceramah 5 - Motivasi ikon dan Fasilitator iGG
4.30 ptg	Minum petang dan bersurai

Lampiran 3

Atur Cara *Training of Trainers* iGG

Masa	Program
HARI PERTAMA	
8.00 pg	Pendaftaran
8.30 pg	Taklimat Program dan Sesi <i>ice-breaking</i>
9.00 pg	Ceramah 1: Kenali Gigi Anda
10.30 pg	Minum pagi
11.00 pg	Ceramah 2: Ketahui Masalah Pergigian
12.30 tgh	Makan Tengahari
2.00 ptg	Ceramah 3: Penjagaan Kesihatan Pergigian dan Pencegahan
3.30 ptg	Ceramah 4: Fasiliti dan Perkhidmatan Pergigian
5.00 ptg	Minum petang dan bersurai
HARI KEDUA	
8.30 pg	Aktiviti 1: Kerja Kumpulan
10.30 pg	Minum pagi
11.00 pg	Aktiviti 2: Pembentangan Kumpulan
12.30 tgh	Makan Tengahari
2.00 ptg	Aktiviti 2 (sambungan): Pembentangan Kumpulan
3.30 ptg	Aktiviti 3: Sesi Soal Jawab
4.30 ptg	Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil & Perlantikan Ikon Gigi
5.00 ptg	Bersurai

Lampiran 4
Borang iGG01/2019



Program Kesihatan Pergigian
 Kementerian Kesihatan Malaysia

LAPORAN AKTIVITI iGG

Bulan.....Tahun.....

Nama iGG :
 Nama Fasilitator :
 Daerah :
 Negeri :

Bil.	Tarikh	Tempat	Skop	Bil. Peserta	Kumpulan Umur	Catatan
Jumlah						

Diisi oleh iGG dan dihantar kepada fasilitator sebelum 5hb setiap bulan berikutnya

Skop : Rujuk Buku Garis Panduan

Kumpulan umur

1. Kanak-kanak
2. Remaja
3. Dewasa
4. Warga Emas

Di sediakan oleh :
 (tandatangan & tarikh)

Nama:.....

Lampiran 5
Borang iGG02/2019



Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAPORAN FASILITATOR iGG

Bulan.....hinggaTahun.....

Nama Fasilitator :
 Daerah :
 Negeri :

Bil.	Nama iGG	Tarikh	Tempat	Skop	Bil. Peserta	Kumpulan Umur	Catatan
Jumlah							

Diisi oleh fasilitator dan dihantar kepada penyelaras sebelum 10hb setiap bulan berikutnya

Skop : Rujuk Buku Garis Panduan

Kumpulan umur

1. Kanak-kanak
2. Remaja
3. Dewasa
4. Warga Emas

Di sediakan oleh :

(tandatangan & tarikh)

Nama:.....

Lampiran 6
Borang iGG03/2019



Program Kesihatan Pergigian
 Kementerian Kesihatan Malaysia

LAPORAN PENYELARAS iGG
 (Diisi oleh Penyelaras iGG)

Bulan.....hingga.....Tahun.....

Nama Penyelaras :
 Negeri :

Bil.	Daerah	Nama Fasilitator	*Aktif		Nama iGG	Bil. Aktiviti	≥12X sebulan		Bil. Peserta	Catatan
			Ya	Tidak			Ya	Tidak		
a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k
Jumlah										

Diisi oleh penyelaras negeri dan dihantar kepada PKPKKM setiap 6 bulan

*Menghantar reten dan gambar aktiviti iGG (jika ada) setiap bulan

Bilangan keseluruhan iGG yang telah dilatih: orang

Di sediakan oleh :
 (tanda tangan & tarikh)

Nama:.....

Lampiran 7

CARTA ALIR PROSES PEMUTIHAN iGG



TINDAKAN

Ikon Gigi

Fasilitator &
Penyelaras iGG


Fasilitator &
Penyelaras iGG

iGG dan fasilitator


Penyelaras iGG &
Pegawai Promosi
Negeri

Lampiran 8

CARTA ALIR PROSES PENGGANTIAN FASILITATOR



CARTA ALIR PROSES PEMUTIHAN FASILITATOR



AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PROGRAM IKON GIGI

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dr Doreyat Jemun • Dr Chia Jit Chie • Dr Salleh Zakaria • Dr Rohaiza Kamis • Dr Abdul Mueiz Samat @ Darawi • Dr Zulhairi Mohamad • Dr Siti Norshafika Mohammad Basha • Dr Afidatulmasrie Ahmad • Dr Muhammad Syafiq Muhammad Isa • Dr Abdullah Ahmad Sharifuddin • Dr Akmal Khalis Doreyat • Dr Nor Fatimah Syahraz Abdul Razakek • Dr Ameera Syafiqah Aly • Dr Dalia Harun • Dr Muhammad Faris Muhammad Noor • JPK Umi Khairul Abdul Kadir • JPK Azirah Muhammad | <ul style="list-style-type: none"> • Dr Sharol Lail Sujak • Dr Rohana Abu Kasim • Dr Harlina Ali Hanafiah • Dr Siti Zuriana Mohd Zamzuri • Dr Nur Farohana Zainol • Dr Siti Azura Abd Karim • Dr Noor Shazlinnisa Ahmad Noordin • Dr Erma Mohd Kamal • Dr Noor Syahidah Hisamuddin • Dr Ainol Haniza Kherul Anuwar • Dr Tan Ching Shyan • Dr Amir Faizal Ismail • Dr Ashshaheeda Sahadan • Dr Karishma Menon Jayaram • Dr Azmeer Rosly • Dr Muhammad Hafiz Abd Hamid • PJPK Haziah Hassan |
|---|--|

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada
Ahli-ahli Mesyuarat Teknikal Program Kesihatan Pergigian KKM
dan
Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kesihatan
Pergigian KKM
serta
individu-individu yang telah menyumbang secara langsung atau tidak
langsung dalam menjayakan penerbitan buku garis panduan ini.

NOTA



**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

 <http://ohd.moh.gov.my>

 Program Kesihatan Pergigian KKM

 @pergigiankkm

 @KKM_PERGIGIAN

